

e-BULETIN JSKM

Cabaran Wanita

Muniroh Hamat

Antara Menarik di Dalam

- Generate e-Certificates with Autocrat
- Symbolab Matrices
- JJCM Hatyai
- Jika Diri Diuji
- Tentang Kamu
- Pengurusan Rekod
- Musafir Haji
- Wira Sejati

Edisi April 2023



Pada 4-5 Februari 2023 yang lalu, Jabatan Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan Program Pemantapan Kepimpinan melalui Kerja Berpasukan. Ia adalah salah satu program yang terbuka kepada seluruh warga JSKM sebagai salah satu aktiviti tahunan jabatan.

Antara objektif program adalah untuk mengeratkan perhubungan dan semangat kepimpinan antara warga sejabatannya serta menggalakkan aktiviti bersukan dan beriadah di kalangan staf JSKM serta mengurangkan tekanan kerja. Program ini telah dijalankan pada 4 Februari 2023 bermula dari jam 1.00 petang sehingga 5 Februari 2023 jam 12.00 tengah hari. Program ini telah dijalankan di Jerai Hill Resort, Gurun, Kedah Darul Aman.

PEMANTAPAN KEPIMPINAN MELALUI KERJA BERPASUKAN

Oleh Wan Anisha Binti Wan Mohammad

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program berlangsung. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) di adakan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Logo Challenge, Si Beluncas, Tiru Macam Saya, Shape Your Memory dan Teka-teki.



Program ini telah dihadiri oleh 22 staf JSKM dengan kerjasama ahli keluarga staf. Program telah berjaya memupuk nilai kerjasama antara staf, semangat kerja berpasukan serta mengeratkan silaturrahim antara staf dan ahli keluarga.